

# PM buat pilihan tepat

um - 9/6/2007

Daripada NOOR HAYATI MUDA

**LONDON** 8 Jun - Rakan baik Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood, Lim Swee Kim yakin Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah membuat pilihan yang tepat untuk mengahwini Jeanne Abdullah (**gambar**) kerana beliau seorang yang peramah dan cepat mesra.

Lim, 74, yang juga tukang jahit kebaya nyonya Allahyarham berkata Jeanne mudah mesra sekalipun baru mengenali seseorang dan tidak kedekut dengan senyuman.

"Saya kenal dia sebab Datin selalu bawa dia semasa tempah kebaya di kedai saya di Pulau Pinang, dan setiap kali kami berjumpa sama ada semasa dia menemani Datin ke kedai saya mahupun semasa saya mengunjungi Datin, Jeanne sentiasa ramah," katanya kepada Bernama, di sini.

Lim yang merupakan salah seorang daripada usahawan di Minggu Malaysia '07 yang sedang berlangsung di Covent Garden Market di sini, jelas gembira

Memang ini berita yang sangat baik dan saya gembira kerana Pak Lah sudah hampir dua tahun membujang, selepas Datin meninggal dunia pada 20 Okt 2005, dan saya rasa Jeanne memang sesuai untuk Pak Lah

apabila diberitahu mengenai berita perkahwinan Abdullah itu.

"Memang ini berita yang sangat baik dan saya gembira kerana Pak Lah sudah hampir dua tahun membujang, selepas Datin meninggal dunia pada 20 Okt 2005, dan saya rasa Jeanne memang sesuai untuk Pak Lah," katanya.

Lim berkata Jeanne juga seperti Allahyarham, pandai membawa diri dan bergaul dengan masyarakat tanpa mengira keturunan dan kedudukan.

"Saya tahu sifat ini amat diperlukan sebagai isteri Perdana Menteri dan dulupun Datin tidak pernah mengeluh penat sekalipun terpaksa mengikut Pak Lah ke mana sahaja untuk bertemu rakyat. Malah semasa Datin sakit pun beliau tidak pernah me-

rungut, beliau cuma simpan dalam hati," katanya.

Mengulas mengenai persahabatannya dengan Allahyarham, Lim berkata dia mengenali Endon hampir 36 tahun kerana suaminya dan Abdullah sama-sama menyertai kadet polis di Pulau Pinang.

"Saya kenal beliau sebelum beliau jadi Datin dan sejak dulu lagi Datin memang minat kebaya nyonya. Kini minat itu diwarisi Nori (anak perempuan Endon)," katanya.

Majlis pernikahan Abdullah dan Jeanne dijadual berlangsung esok di kediaman rasmi perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya.

- Bernama

**LIM SWEE KIM**

Rakan baik Allahyarham Datin Seri Endon

